

## **PEMBANGUNAN KAD BACAAN DALAM MEMBANTU KEMAHIRAN MEMBACA KANAK-KANAK 4 TAHUN**

### *Development of reading cards to help 4-years old children's reading skills*

Nik Nurul Anis Nik Abdullah<sup>1</sup>, Norly Jamil<sup>2\*</sup>,  
Siti Naimah Rahman<sup>3</sup>

Fakulti Pembangunan Manusia Universiti Pendidikan Sultan Idris,  
35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia

aanis7513@gmail.com<sup>1\*</sup> norly@fpm.upsi.edu.my<sup>2\*</sup> naimahrahman99@gmail.com<sup>3</sup>

\*Corresponding Author

**Received:** 27 July 2023; **Accepted:** 18 October 2023; **Published:** 20 October 2023

**To cite this article (APA):** Nik Abdullah, N. N. A., Jamil, N., & Rahman, S. N. (2023). Pembangunan kad bacaan dalam membantu kemahiran membaca kanak-kanak 4 tahun. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 12(2), 18–29. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol12.2.3.2023>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/jpak.vol12.2.3.2023>

### **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan membangunkan permainan kad bacaan dengan mengintegrasikan kaedah belajar sambil bermain bagi kanak-kanak 4 tahun. Jadi, objektif kajian ini adalah untuk membangunkan kad bacaan dalam membantu kemahiran membaca kanak-kanak 4 tahun. Reka bentuk kajian adalah berdasarkan Model ADDIE yang melibatkan lima fasa iaitu, analisis, reka bentuk, pembangunan, pelaksanaan, dan penilaian. Pensampelan kajian menggunakan pensampelan kebarangkalian secara rawak mudah. Sampel kajian melibatkan tiga fasa, iaitu seramai 30 orang guru tadika dan prasekolah bagi fasa analisis, dua pakar kesahan dan 30 orang pakar pelaksana bagi fasa reka bentuk, dan 30 orang guru tadika di daerah Muallim bagi fasa pelaksanaan. Instrumen kajian yang digunakan adalah soal selidik, iaitu Soal Selidik Analisis Keperluan Pembangunan Kad Bacaan, Soal Selidik Kandungan Kad Bacaan Kanak-kanak 4 Tahun, dan Soal Selidik Kebolehgunaan bagi Kad Bacaan Kanak-kanak 4 Tahun. Kesemua instrumen menunjukkan nilai kebolehpercayaan *alpha Cronbach* di antara 0.7 sehingga 0.8 diinterpretasikan sebagai baik dan boleh diterima. Dapatan bagi fasa analisis mendapati wujud keperluan untuk membangunkan bahan bantu mengajar kemahiran membaca kanak-kanak apabila menunjukkan min dan sisihan piawaian tahap tinggi. Bagi fasa reka bentuk guru-guru tadika bersetuju tujuh elemen yang penting perlu ada pada kad bacaan yang hendak dibangunkan. Manakala, hasil data kebolehgunaan Kad Bacaan dipersetujui oleh guru-guru tadika membantu dalam kemahiran membaca kanak-kanak 4 tahun dengan interpretasi tahap tinggi. Cadangan kajian lanjutan boleh difokuskan kepada penilaian keberkesanan kad bacaan ini dalam meningkatkan kemahiran membaca kanak-kanak. Kesimpulannya, pembangunan kad bacaan ini relevan dan sesuai dalam membantu kemahiran membaca kanak-kanak 4 tahun.

**Kata Kunci:** Pembangunan, bermain sambil belajar, kad bacaan, kemahiran membaca, kanak-kanak.

### **ABSTRACT**

*This study aims to develop a reading card game by integrating learning while playing methods for 4-year-old children. So, the objective of this study is to develop a reading card to help the reading skills of 4-year-old children. The study design is based on the ADDIE Model which involves five phases namely, analysis, design, development, implementation, and evaluation. The sampling of the study uses simple random sample. The study sample involved three phases, which are 30 kindergarten and preschool teachers for the analysis phase, two validity experts and 30 experts for the design phase, and 30 kindergarten teachers in Muallim district for the*

*implementation phase. The research instrument used is a questionnaire, which is a Questionnaire for the Analysis of Reading Card Development Needs, a Questionnaire for the Content of the 4-Year-Old Children's Reading Card, and a Usability Questionnaire for the 4-Year-Old Children's Reading Card. All instruments show a Cronbach's alpha reliability value of between 0.7 and 0.8, which means that the interpretation is very good and effective with a high level of consistency. Findings for the analysis phase found that there is a need to develop aids to teach children's reading skills when showing a high level of mean and standard deviation. For the design phase, the kindergarten teachers agreed that seven important elements should be present on the reading card to be developed. Meanwhile, the data results of the usability of the Reading Card are agreed by the kindergarten teachers to help in the reading skills of 4-year-old children with a high level of interpretation. Suggestions for further research can be focused on evaluating the effectiveness of these reading cards in improving children's reading skills. In conclusion, the development of this reading card is relevant and appropriate in helping the reading skills of 4-year-old children.*

**Keywords:** children, development, learning through play, reading cards, reading skills

## **PENGENALAN**

Kemahiran membaca dan penggunaan kad bacaan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini berupaya membantu guru-guru khususnya guru tadika untuk mengajarkan kanak-kanak kemahiran membaca menggunakan kad bacaan. Membaca merupakan salah satu sumber pengetahuan dan asas pembentukan diri ke arah memperoleh ilmu pengetahuan (Jamian, 2011; Omar, 2020). Oleh itu, membaca dikatakan sebagai salah satu daripada enam kemahiran bahasa yang sangat penting dan berharga dalam kehidupan manusia (Omar, 2020; Balanadam & Jamaluddin, 2021). Bagi memupuk kemahiran membaca, komunikasi yang aktif dan bermakna antara pembaca dengan bahan bacaan amat diperlukan untuk membantu seseorang mengecam bentuk visual dan menghubungkan antara bentuk dalam bahan bacaan dengan bunyi (Jamian, 2011).

Membaca adalah satu perkara yang penting dalam kehidupan seharian. Sekiranya kita tidak boleh membaca, maka terputuslah perhubungan kita dengan dunia luar. Begitu jugalah pentingnya kemahiran membaca untuk kanak-kanak tadika. Seawal sesi pembelajaran di tadika lagi, mereka telah diterapkan dengan kemahiran membaca. Rentetan itu, masalah membaca boleh mempengaruhi prestasi seseorang bukan sahaja terhadap perkembangan bahasa, malah turut mempengaruhi pelbagai perkembangan lain (Ching & Tahar, 2021). Hal ini demikian kerana, bagi kanak-kanak yang kurang cekap dalam membaca mereka akan ketinggalan dalam sesi pembelajaran dan akan mempengaruhi keputusan mereka (Omar, 2022).

Menurut Isahak Haron (2011), kemahiran membaca adalah suatu proses untuk mengenal huruf, membina suku kata serta membentuk suatu ayat yang mudah. Membaca juga dikatakan sebagai satu proses kognitif yang menekankan aspek pengecaman, membuat interpretasi dan persepsi terhadap bahan-bahan yang bercetak mahupun bahan yang bertulis (Rani & Abu Bakar, 2021). Dengan kata lain, membaca adalah suatu kegiatan harian untuk mendapatkan sebarang maklumat daripada bahan-bahan bacaan (Salim, 2013) dengan cara memahami makna yang terdapat dalam bahan bacaan tersebut. Justeru, proses membaca boleh didefinisikan sebagai satu proses pemahaman seseorang terhadap kandungan bahan bacaan yang dibaca (Omar, 2020). Dalam konteks kajian ini, aktiviti membaca dan proses pembentukan makna adalah saling bergantung antara satu sama lain.

Oleh yang demikian, Timbang et al. (2011) mencadangkan bahawa setiap kanak-kanak ini perlu diajar membaca dengan menggunakan kaedah-kaedah yang mudah difahami serta memberi kesan yang mendalam terhadap tahap ingatan kanak-kanak tersebut. Selain daripada itu, aktiviti yang bersifat konkrit dan bermakna amat diperlukan oleh kanak-kanak sebagai satu

persekitaran yang menyokong mereka untuk mendapat pendedahan awal tentang membaca. Sehubungan dengan itu, kajian ini memilih kad bacaan sebagai salah satu cara untuk membantu kemahiran membaca kanak-kanak 4 tahun. Berbekalkan bahan bantu mengajar seperti kad bacaan, kanak-kanak dapat membaca dengan lebih jelas dan menarik kerana pengajaran menggunakan bahan maujud yang melibatkan mereka secara aktif (Hendry & Mamat, 2022).

Merujuk kepada teori Erik Erikson, kanak-kanak yang berumur 4 tahun ini mula membentuk satu cara untuk berdikari dan ingin meneroka sesuatu yang baru. Oleh yang demikian, kad bacaan sangat memainkan peranan penting dalam kehidupan kanak-kanak apabila kanak-kanak seronok meneroka disebabkan galakan rasa ingin tahu mereka terhadap sesuatu yang baru (Hendry & Mamat, 2022). Tambahan pula menurut Joan Herbeg et. al. (2012), kad bacaan adalah salah satu alat yang baik untuk membantu kanak-kanak dalam proses awal membaca. Hal ini kerana aktiviti ini membantu kanak-kanak mengecam huruf dan membunyikan huruf dengan tepat (Hendry & Mamat, 2022).

## **PERNYATAAN MASALAH**

Setiap kanak-kanak mempunyai hak untuk belajar membaca dengan baik. Walau bagaimanapun, kita sehingga kita masih mengalami krisis kemahiran membaca secara global, dan ramai kanak-kanak tidak belajar membaca dengan mahir. Hak sivil untuk belajar membaca berkait rapat dengan banyak aspek sosiobudaya dan ekonomi, dan tempoh pendidikan, yang berkait rapat dengan kecekapan membaca, hasil ekonomi dan kesihatan (Gaab & Patscher, 2023).

Selain itu, banyak kajian mendapati pelbagai masalah kanak-kanak membaca pada masa kini. Faktor persekitaran bagi kanak-kanak yang kurang beruntung seperti tidak mendapat kasih sayang keluarga, tiada galakan keluarga, dan sebagainya turut menjejaskan pencapaian mereka dalam pelajaran termasuk keupayaan membaca (Timbang et. al., 2011; Jamian, 2011; Ishak & Mohammad, 2020). Faktor pendidikan adalah seperti tidak menyediakan peluang pengajaran secara individu, tidak memberi perhatian terhadap kesediaan membaca kanak-kanak, mengabaikan kemahiran membaca dalam kebanyakan aktiviti sekolah dan penggunaan teknik pengajaran yang kurang berkesan (Jamian, 2011; Balanadam & Jamaluddin, 2021).

Justeru, guru disarankan melakukan variasi dalam pengajaran membaca agar dapat menarik minat kanak-kanak untuk belajar membaca dengan lebih bersungguh-sungguh (Jamian, 2011). Maka, salah satu kaedah yang boleh mencetus minat membaca, adalah dengan penggunaan kad bacaan dan kad ayat-ayat pendek yang mudah difahami dengan harapan yang mampu menarik minat murid untuk suka membaca. Kaedah ini memerlukan guru menulis perkataan yang mudah dalam satu kad bagi memudahkan murid membaca. Seterusnya perkataan akan diganti dengan cerita pendek untuk peringkat seterusnya. Menurut Puteh dan Ali (2011), mereka menyatakan bahawa pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam pendidikan awal kanak-kanak akan lebih berkesan melalui aktiviti bermain kerana bermain adalah sebahagian daripada dunia kanak-kanak.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

- i. Mengenalpasti keperluan dalam pembangunan kad bacaan dalam meningkatkan kemahiran membaca kanak-kanak 4 tahun.
- ii. Membangunkan kad bacaan dalam meningkatkan kemahiran membaca kanak-kanak 4 tahun.
- iii. Menilai tahap kebolegunaan pembangunan kad bacaan dalam meningkatkan kemahiran membaca kanak-kanak 4 tahun.

## **METODOLOGI**

Bagi tujuan pembangunan kad bacaan untuk membantu kemahiran membaca kanak-kanak 4 tahun ini, kajian telah mengaplikasi empat peringkat daripada Model Addie sebagai reka bentuk kajian iaitu Analisis keperluan (*Analysis*), Reka Bentuk (*Design*), Pembangunan (*Development*), Pelaksanaan (*Implementation*) dan Penilaian (*Evaluation*). Peringkat penilaian tidak dijalankan dilihat sebagai limitasi dalam kajian ini. Model ADDIE adalah berlandaskan behaviorisme, cetusan idea yang dikembangkan oleh Dick dan Carry (1996) untuk merancang sistem pembelajaran. Justeru, model ini sangat tepat dan relevan bagi membangunkan kad bacaan dalam kajian ini.

### **Fasa Analisis Keperluan**

Peringkat ini merupakan asas kepada semua peringkat dalam reka bentuk pengajaran dengan tujuan untuk mengenal pasti objektif, kandungan, kesesuaian terhadap sasaran, dan capaian model pembelajaran dan pengajaran (Gustafson & Branch, 2007; Larson & Lockee, 2019; McKenney & Reeves, 2012; Morrison, Ross, & Kemp, 2004). Penyelidikan analisis dilaksanakan untuk mendapatkan maklumat awal dan menganalisis bagi mendapatkan maklumat penting yang diperlukan untuk mereka bentuk dan membangunkan strategi pembelajaran yang dibina dalam membantu meningkatkan kemahiran membaca kanak-kanak. Pada peringkat ini, pengkaji mengumpul dan menyemak data berkaitan sebelum mula merancang, mereka bentuk, dan membina Kad Bacaan. Antara maklumat yang dianalisis adalah latar belakang sampel kajian, isu berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak 4 tahun, dan keperluan pembangunan kad bacaan dalam membantu kemahiran membaca kanak-kanak 4 tahun. Fasa ini menggunakan soal selidik bagi mendapatkan data kajian. Instrumen soal selidik diformatkan dalam *google form* dan kemudian diedarkan menggunakan aplikasi *whatsapp* dan penghantar email kepada sampel kajian. Data fasa ini dianalisis menggunakan analisis deskriptif iaitu min dan sisihan piawai sahaja.

### **Fasa Reka Bentuk**

Pada peringkat ini pula, pengkaji menentukan kaedah PdP dalam sesuatu model sama ada menggunakan kaedah demonstrasi, latihan dan praktikal, koperatif, penerokaan, penyelesaian masalah, perbincangan, simulasi ataupun pembentangan. Pada peringkat ini juga pengkaji menentukan alat dan bahan bantu mengajar yang digunakan. Dalam kajian ini, pengkaji telah menekankan beberapa prinsip teori pembelajaran awal kanak-kanak seperti *Teori Bottom Up-Reading* dan *Teori Top-Down Reading* dalam menentukan kaedah PdP yang menggunakan teknik bacaan.

Fasa mereka bentuk melibatkan beberapa tugas yang perlu diberi penekanan iaitu objektif pembelajaran dan hasil pembelajaran, pembinaan aktiviti dan pemilihan strategi pembelajaran. Pada fasa ini pengkaji akan merancang dan membuat reka bentuk kad bacaan yang ingin dibina dan menyenaraikan jenis-jenis bahan dan alat yang akan digunakan pada kad bacaan yang dibina supaya mencapai objektif pembelajaran yang diinginkan.

Reka bentuk kad bacaan harus diberi perhatian khusus. Pengkaji perlu memastikan kad bacaan yang dibangunkan mempunyai ciri-ciri yang sesuai seperti dapat menarik perhatian dan tidak membosankan kanak-kanak dalam proses membangunkan kemahiran membaca mereka. Bagi menarik minat kanak-kanak untuk belajar menggunakan kad bacaan ini, pemilihan elemen seperti penggunaan warna, corak, bentuk, teks adalah amat penting. Setiap elemen perlu bersesuaian dan menepati kandungan standard pembelajaran yang dipilih. Selain itu, proses mereka bentuk juga harus diberi perhatian kepada kanak-kanak dan guru.

Fasa ini juga menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian iaitu, Soal selidik Keperluan Kandungan Pembangunan Kad Bacaan Kanak-kanak 4 Tahun. Soal selidik ini dibangunkan hasil kajian literature berkaitan elemen-elemen yang sesuai dan penting melibatkan pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak 4 tahun khasnya dalam kemahiran membaca. Kemudian elemen-elemen ini diberikan untuk semakan seorang pakar dalam bidang Pendidikan Awal Kanak-kanak untuk kesahan. Instrumen soal selidik ini juga diformatkan dalam *google form* dan kemudian diedarkan menggunakan aplikasi *whatapps* dan penghantar email kepada sampel kajian. Data fasa ini dianalisis menggunakan analisis deskriptif iaitu min dan sisihan piawai sahaja.

### **Fasa Pembangunan**

Setelah mengenal pasti latar belakang pengajaran dan pembelajaran, fasa ini akan memberi perincian tentang pembangunan kad bacaan. Kad bacaan ini akan dibangunkan berdasarkan reka bentuk yang telah dirangka oleh pengkaji dengan bantuan dan sokongan daripada keluarga, rakan-rakan dan penyelia. Dalam fasa ini, pengkaji membangunkan kad bacaan yang dapat membantu masalah membaca dalam kalangan kanak-kanak. Kad Bacaan merupakan satu permainan pengajaran yang boleh digunakan pada bila-bila masa dan di mana sahaja dan ianya perlu disesuaikan dengan peringkat umur kanak-kanak. Bahan yang digunakan untuk menghasilkan permainan Kad Bacaan perlulah bersesuaian dengan kanak-kanak dan tidak mempunyai unsur-unsur yang boleh membahayakan keselamatan dan kesihatan kanak-kanak. Fasa ini merangkumi proses penghasilan dan membentuk permainan Kad Bacaan dalam bentuk bahan mautud yang boleh diguna pakai.

### **Fasa Pelaksanaan**

Sebelum digunakan dengan kanak-kanak, satu kajian pelaksanaan kebolegunaan kad bacaan yang dibangunkan turut dilakukan. Kebolegunaan ini dijalankan dengan melihat pandangan pakar pelaksana, iaitu melibatkan seramai 30 orang guru tadika. Pakar ini telah diberikan set Soal Selidik Kebolegunaan Kad Bacaan bagi Membantu Kemahiran Membaca Kanak-kanak 4 Tahun dalam *format google form* menggunakan aplikasi *whatsApp* dan email.

### **PENSAMPELAN KAJIAN**

Pensampelan ialah proses memilih sekumpulan responden oleh pengkaji untuk mewakili satu kumpulan besar komuniti tersebut atau populasi. Populasi dalam kajian ini adalah guru tadika

di Daerah Muallim, Perak. Pensampelan kajian pula menggunakan pensampelan kebarangkalian rawak mudah. Pemilihan responden dari kalangan guru tadika dan prasekolah didasarkan oleh pembangunan permainan yang dilakukan oleh pengkaji. Jumlah saiz sampel dalam kajian rintis seperti yang dicadangkan oleh Cooper dan Schindler (2011) adalah di antara 25 hingga 100 orang memandangkan secara praktikalnya kajian rintis adalah kajian yang berskala kecil. Pada fasa satu, seramai 30 orang guru tadika dan prasekolah telah diambil sebagai sampel kajian. Pada fasa kedua, pengkaji mendapatkan pengesahan daripada seorang pakar dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak dan fasa ketiga pula ialah 30 orang guru tadika. Dengan kata lain, jawapan yang diberikan sampel kajian dapat mengukuhkan lagi objektif kajian.

## KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN INSTRUMEN

Kesahan instrumen merupakan perkara penting yang perlu dititikberatkan sebelum instrumen tersebut diedarkan kepada para responden yang terlibat. Lee Chin Tay, et al., (2017) menyatakan bahawa kesahan sesuatu pengukuran itu bergantung kepada sejauh mana ia berjaya mengukur apa yang hendak diukur. Chua (2014) pula mendefinisikan kesahan sebagai keupayaan suatu pengukuran yang dilakukan untuk mengukur nilai sebenar konsep dalam hipotesis. Oleh itu, kesemua instrumen dalam kajian ini telah mendapat kesahan muka dan kandungan. Instrumen soal selidik telah diberikan kepada dua orang pensyarah dalam bidang Pendidikan Awal Kanak-kanak.

Setelah mendapat membetulkan dan menambah baik instrumen kajian, maka satu kajian rintis melibatkan 30 orang guru tadika dan guru prasekolah untuk mendapatkan kebolehpercayaan. Kebolehpercayaan instrumen kajian ini merujuk kepada kestabilan dan ketekalan dalaman soal selidik (Sekaran, 1992; Creswell, 2009; Pallant, 2010). Oleh itu, dalam kajian rintis ini data-data yang diperoleh, dikumpul dan diukur tahap kebolehpercayaan menggunakan Ujian Statistik Cronbach's Alpha dalam perisian *Statistical Packages for Social Science* (SPSS) versi 23.0. Menurut Bond & Fox (2015) nilai kebolehpercayaan alpha Cronbach di antara 0.7 sehingga 0.8 diinterpretasikan sebagai baik dan boleh diterima. Jadual 1 berikut menunjukkan nilai kebolehpercayaan yang telah diperoleh bagi setiap instrument kajian;

**Jadual 1** Nilai Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

<b>Instrumen Kajian</b>	<b>Nilai Kebolehpercayaan (Alpha Croncach)</b>
Soal Selidik Analisis Keperluan Pembangunan Kad Bacaan Kanak-kanak 4 tahun	0.86
Soal Selidik Kandungan Kad Bacaan Kanak-kanak 4 Tahun	0.87
Soal Selidik Kebolegunaan Kad Bacaan Kemahiran Membaca Kanak-kanak 4 Tahun	0.88



## **INSTRUMEN KAJIAN**

Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Penggunaan soal selidik sebagai alat ukur adalah lebih praktikal dan berkesan kerana dapat membantu mengurangkan perbelanjaan, masa dan tenaga bagi pengumpulan data (Mohd Majid Konting, 1998). Terdapat tiga instrument soal selidik yang digunakan iaitu Soal Selidik Analisis Keperluan Pembangunan Kad Bacaan, Soal Selidik Kandungan Kad Bacaan Kanak-kanak 4 Tahun, dan Soal Selidik Kebolehgunaan bagi Kad Bacaan Kanak-kanak 4 Tahun. Skala Likert dengan pilihan jawapan digunakan, iaitu 1 Sangat Tidak Setuju, 2 Tidak Setuju, 3 Kurang Setuju, 4 Setuju, dan 5 Sangat Setuju. Skala likert merupakan metode pengukuran yang digunakan untuk mengukur sikap, pendapat dan persepsi seseorang atau kelompok orang tentang fenomena sosial. Soal selidik disediakan dalam format google form bagi memudahkan untuk diedarkan kepada sampel kajian secara talian.

## **KAEDAH ANALISIS DATA**

Setelah mendapat data dari soal selidik, pengkaji telah menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS)* versi 23.0 untuk menganalisis secara analisis deskriptif berdasarkan maklumat dan jawapan yang telah diperolehi daripada borang soal selidik yang lengkap. Analisis deskriptif berfungsi sebagai meringkas, menggambar dan menampilkan gambar dengan menawarkan pelbagai pilihan seperti frekuensi, peratusan, min, sisihan piawai, dan lain-lain lagi. Tetapi dalam kajian ini analisis deskriptif hanya menggunakan min dan sisihan piawai sahaja.

## **PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN**

Dapatan kajian dibincangkan dengan memfokuskan kepada dapatan mengikut fasa kajian berdasarkan model ADDIE.

### **Dapatan Analisis Keperluan Pembangunan Permainan Kad Bacaan**

Dalam fasa analisis keperluan ini, pengkaji memfokuskan kepada dua aspek iaitu isu-isu berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak 4 tahun, dan analisis keperluan pembangunan kad bacaan ini. Hasil kajian mendapati kelima-lima item dalam isu yang berkaitan dengan PdP kanak-kanak 4 tahun menunjukkan min dan sisihan piawai tahap tinggi.

**Jadual 2** Isu berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak 4 tahun

No	Item	Min	SP	Intepretasi Tahap
1.	Kanak-kanak mempunyai kesukaran untuk membaca semula bahan bacaan yang dibaca.	4.87	.346	Tinggi
2.	Kanak-kanak mudah berasa bosan sewaktu aktiviti pengajaran dan pembelajaran berlangsung.	4.90	.305	Tinggi
3.	Bahan bantu mengajar yang kurang menarik menyebabkan kanak-kanak tidak berminat untuk membaca.	4.83	.379	Tinggi
4.	Kanak-kanak mempunyai kesukaran untuk memilih bahan bacaan yang digemari.	4.87	.346	Tinggi
5.	Kanak-kanak mempunyai kesukaran untuk membaca perkataan yang terdapat dalam kad bacaan.	4.87	.346	Tinggi

Berdasarkan jadual 2 di atas jelas menunjukkan hampir kesemua sampel kajian bersetuju dengan item-item yang terdapat soal selidik ini. Dengan kata lain, isu-isu yang dikemukakan dalam item tersebut wujud dalam pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak. Secara keseluruhannya guru tadika bersetuju kanak-kanak ada masalah kesukaran untuk membaca. Omar (2020) menyebutkan, penglibatan bahan bacaan akan menentukan sama ada kanak-kanak itu akan mendekati diri atau mengelakkan diri terhadap proses membaca. Apabila bahan bacaan tidak menarik, kanak-kanak akan cepat bosan dan tiada minat untuk meneruskan proses membaca. Di samping itu, kanak-kanak sendiri mempunyai kesukaran untuk memilih bahan bacaan yang sesuai. Hal ini disebabkan kanak-kanak kini lebih terdedah dengan penggunaan gajet sehingga buku cerita tidak lagi dipandang oleh mereka (Asha et al., 2020).

Seterusnya, kajian analisis untuk melihat keperluan untuk membangunkan kad bacaan bagi membantu kanak-kanak membaca dengan mudah dan cepat. Bagi tujuan itu, sebanyak 6 item telah disenaraikan dalam soal selidik kajian analisis keperluan pembangunan kad bacaan. Hasil kajian menunjukkan sampel kajian bersetuju terhadap keenam-enam item keperluan membangunkan kad bacaan ini.



**Jadual 3** Analisis keperluan pembangunan permainan bagi meningkatkan kemahiran membaca

No	Item	Min	SP	Intepretasi Tahap
1.	Saya memerlukan bahan bantu mengajar yang memudahkan kanak-kanak untuk membaca.	4.90	.305	Tinggi
2.	Saya memerlukan bahan bantu mengajar yang mempunyai aktiviti belajar sambil bermain.	4.90	.305	Tinggi
3.	Saya memerlukan bahan bantu mengajar yang menguji tahap kefahaman kanak-kanak membaca.	4.90	.305	Tinggi
4.	Saya memerlukan membantu kanak-kanak fokus membaca	4.87	.346	Tinggi
5.	Saya memerlukan bahan bantu mengajar yang dapat meningkatkan kemahiran membaca untuk kanak-kanak.	4.90	.305	Tinggi

Berdasarkan jadual 3 di atas jelas mendapati secara keseluruhan sampel bersetuju ada keperluan untuk membangunkan satu bahan bantu mengajar untuk kanak-kanak. Hal ini dapat dilihat pada dapatan min dan sisihan piawai bagi setiap item pada tahap intepretasi yang tinggi. Dengan kata lain sampel kajian setuju mereka memerlukan bahan bantu mengajar untuk mengajar kanak-kanak kemahiran membaca. Maka, kajian memilih kad bacaan sebagai bahan bantu mengajar yang baik untuk membantu kemahiran membaca kanak-kanak 4 tahun. Menurut Henry & Mamat (2022), penggunaan bahan maujud seperti kad bacaan menggalakkan kanak-kanak belajar membaca kerana mereka dapat melibatkan diri secara aktif menjadikan aktiviti tersebut seronok.

### **Dapatan Kandungan Kad Bacaan Bagi Fasa Reka Bentuk**

Bagi mendapatkan elemen-elemen yang sesuai dalam proses mereka bentuk kad bacaan kanak-kanak, satu kajian soal selidik telah dijalankan. Data fasa ini sangat penting kerana selepas ini adalah fasa pembangunan bahan kajian. Setiap elemen ini akan diguna pakai dalam mereka bentuk bahan bantu mengajar yang dapat membantu kemahiran membaca kanak-kanak 4 tahun. Hasil kajian menunjukkan, antara elemen yang dipersetujui oleh pakar pelaksana atau guru tadika adalah bahan berwarna warni, mudah digunakan, boleh belajar sambil bermain, mudah dibawa ke mana-mana, boleh digunakan secara individu atau secara berkumpulan, dan bahan yang selamat dan tidak bahaya untuk kanak-kanak. Intepretasi min bagi setiap item ini pada tahap tinggi.

**Jadual 4** Analisis kandungan kad bacaan kanak-kanak 4 tahun

No.	Item	Min	SP	Intepratsi Tahap
1.	Penghasilan “kad bacaan” haruslah dihasilkan dengan bahan yang berwarna-warni.	4.83	.379	Tinggi
2.	Penghasilan “kad bacaan” yang mudah untuk digunakan oleh kanak-kanak.	4.77	.430	Tinggi
3.	Penghasilan “kad bacaan” yang membolehkan kanak-kanak belajar sambil bermain.	4.87	.346	Tinggi
4.	Penghasilan “kad bacaan” yang mudah untuk dibawa ke mana-mana sahaja.	4.77	.430	Tinggi
5.	Bahan bantu mengajar boleh digunakan secara individu atau berkumpul oleh kanak-kanak.	4.63	.490	Tinggi
6.	Saya memerlukan bahan bantu mengajar yang selamat dan tidak membahayakan kanak-kanak.	4.87	.346	Tinggi

### **Pembangunan Kad Bacaan untuk Kemahiran Membaca Kanak-kanak 4 Tahun**

Pengkaji membangunkan permainan Kad Bacaan dengan mengintegrasikan pembelajaran berasaskan belajar melalui bermain. Antara bahan yang digunakan untuk menghasilkan permainan Kad Bacaan ialah velcro, *double tap*, kain felt dan *box*. Bahan-bahan ini digunakan bagi menghasilkan produk permainan Kad Bacaan. Berikut merupakan permainan Kad Bacaan yang telah dihasilkan:



**Rajah 1.1.** Bahagian Luar Permainan Kad Bacaan



Rajah 1.2. Bahan yang Terdapat dalam Kad Bacaan

### Kebolegunaan Kad Bacaan dalam Membantu Kemahiran Membaca Kanak-kanak

Hasil kajian mendapati kad bacaan yang dibangunkan boleh digunakan sebagai bahan bantu mengajar kemahiran membaca kepada kanak-kanak 4 tahun. Lima item yang mengatakan hal ini telah dipersetujui oleh sampel kajian atau guru tadika dengan menunjukkan interpretasi yang tinggi.

Jadual 5 Analisis kebolegunaan pembangunan permainan kad bacaan

No	Item	Min	SP	Intepretasi Tahap
1.	Kad bacaan sesuai untuk mengajar kanak-kanak membaca.	4.83	.379	Tinggi
2.	Kad bacaan mempunyai ciri bermain sambil belajar yang membantu menarik fokus dan minat kanak-kanak untuk membaca.	4.76	.430	Tinggi
3.	Tahap kesukaran aktiviti dalam permainan <i>kad bacaan</i> adalah sesuai dengan peringkat umur kanak-kanak.	4.53	.507	Tinggi
4.	Permainan <i>Kad Bacaan</i> adalah sesuai untuk digunakan sebagai bahan bantu mengajar bagi kanak-kanak 4 tahun.	4.53	507	Tinggi
5.	Permainan <i>Kad Bacaan</i> dapat meningkatkan kefahaman kanak-kanak dalam membaca.	4.43	.504	Tinggi

### KESIMPULAN

Permainan Kad Bacaan yang dibangunkan ini memberi impak yang positif dalam pembelajaran kemahiran membaca. Permainan Kad Bacaan bagi pembelajaran kemahiran membaca ini dapat membantu pihak guru sewaktu sesi pembelajaran berlangsung dengan menggunakan bahan bantu mengajar yang mampu menarik minat kanak-kanak untuk terlibat dalam pembelajaran.

Selain itu, penggunaan BBM dan strategi pengajaran yang menarik juga dapat membantu guru untuk mengendalikan sesi PdP dengan lebih menarik dan berkesan.

Secara keseluruhannya, pengkaji berharap agar kajian ini dapat membantu memberikan idea kepada guru dalam menghasilkan bahan bantu mengajar yang lebih kreatif dan menarik. Pembangunan permainan Kad Bacaan ini diharapkan dapat membantu guru untuk mempelbagaikan lagi kaedah pengajaran dan tidak hanya tertumpu kepada satu kaedah atau satu bahan pengajaran sahaja. Seterusnya, diharapkan agar bahan pengajaran yang dibangunkan ini dapat membantu kanak-kanak untuk memahami dan menguasai konsep kemahiran membaca dengan lebih mudah.

## **RUJUKAN**

- Asha, N., Siraj, S., Ismail, H., Omar, R., Samad, S. A., & Ninari, E. F. (2020). Penggunaan big book dalam kalangan guru tadika untuk perkembangan literasi kanak-kanak: The usage of big book among kindergarten teachers for children's literacy development. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 106-112.
- Balanadam, J., & Jamaluddin, K. A. (2021). Isu dan Cabaran dalam Kemahiran Membaca Dikalangan Murid Sekolah Rendah di Malaysia. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 127-135.
- Bond, T. G., & Fox, C. M. (2015). *Applying the Rasch Model: Fundamental Measurement in the Human Sciences* (3rd ed.). Mahwah, NJ: L. Erlbaum.
- Ching, L. S., & Tahar, M. M. (2021). Penggunaan peralatan multisensori buku audio dalam meningkatkan minat murid-murid masalah pembelajaran terhadap membaca. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 530-536.
- Chua Yan Piaw. (2014). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan-Asas Statistik Penyelidikan (Buku 2)*, Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Education.
- Cooper, D. and Schindler, P. (2011) *Business Research Methods*. 11th Edition, McGraw Hill, Boston.
- Cresswell J. W. (2009). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches* (3rd Edition): SAGE, UK.
- Dick, W., & Carey, L. (1996). *The systematic design of instruction* (4th Ed.). New York: Harper Collins.
- Gaab, N., & Petscher, Y. (2022). Screening for early literacy milestones and reading disabilities: The why, when, whom, how, and where. *Perspectives on Language and Literacy*, 48(1), 11-18.
- Gustafson, K. L., & Branch, R. M. (2007). What Is Instructional Design? In R. A. Reiser, & J. V. Dempsey (Eds.), *Trends and Issues in Instructional Design and Technology* (pp. 10-16). New Jersey: Pearson Education.
- Henry, J., & Mamat, N. (2022). The Effectiveness of Using Scan Cards in Improving the Early Reading Skills of 4-Year-Old Children. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 15, 147-159. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol15.sp.14.2022>
- Isahak Haron. (2011). *Kaedah Mengajar Literasi Awal Membaca dan Menulis Bahasa Melayu Dengan Tumpuan Kepada Kaedah Gabungan Bunyi Kata*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ishak, N. Q., & Mohammad, W. M. R. W. (2020). Keberkesanan VAKT dalam meningkatkan penguasaan membaca perkataan digraf dan konsonan bergabung bahasa Melayu murid Melanau di kelas pemulihan khas. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 24-31.
- Jamian, A. R. (2011). Permasalahan Kemahiran Membaca Dan Menulis Bahasa Melayu Murid Murid Sekolah Rendah Di Luar Bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1-12.
- Joan Herberg, T. F. McLaughlin K. Mark Derby & Kimberly P. Weber. 2012. *The Effects of repeated Readings and Flashcard Error Drill The Reading Accuracy and Fluency with Rural Middle School Student with Learning Disabilities*. *Academic Research International Journal* 3, Volume 2: 2012. Gonzaga University USA.